	OPERASI PERKHIDMATAN SOKONGAN **PEJABAT BURSAR** Kod Dokumen: DF040/BYR
	MEMORANDUM PENERIMAAN/ PERJANJIAN AL-BAI' BITHAMAN 'AJIL UNTUK SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN KAKITANGAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

(Kew 295A Pindaan 1/93)

MEMORANDUM PENERIMAAN

Bursar
Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang,
Selangor.

Tuan/Puan,

TAWARAN SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN KAKITANGAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada surat tawaran tuan bil. …….....…… bertarikh …… dengan ini saya menerima tawaran tersebut dan bersetuju dengan syarat-syarat serta peraturan-peraturan yang dikenakan dan mengembalikan surat ini bersama-sama perjanjian yang telah ditandatangani sepertimana di **LAMPIRAN A** untuk tindakan tuan selanjutnya.

PEMINJAM	**SAKSI**
……	……
Nama : ……..	Nama : ……...
No. Kad Pengenalan : ……...	No. Kad Pengenalan : …….
Tarikh : ……	Jawatan : ……...
	Alamat : ……..
	……..
	……..
	Tarikh : ..……

LAMPIRAN A

PERJANJIAN AL-BAI' BITHAMAN 'AJIL UNTUK SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN KAKITANGAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PERJANJIAN INI DIBUAT pada …… haribulan…… tahun……. diantara

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (kemudian daripada ini disebut "U.P.M.") Sebagai Pihak Pertama

DAN ……..……..…….….

(K/P. No ……..……) yang beralamat (Jabatan) ...……..……....

……..

(kemudian daripada ini disebut 'Pembeli') dan….……...…….….…

…….. (K/P. No. …..……..…..

yang beralamat (Jabatan) ...…….……

……..……..…….

dan……(K/P. No. .....……..…….……

yang beralamat (Jabatan) ….……

……..……..…….

(kemudian daripada ini disebut 'Penjamin') sebagai Pihak Kedua.

BAHAWASANYA, Pembeli telah memohon untuk membeli kenderaan di bawah Skim Pembiayaan Kenderaan Mengikut Prinsip Al Bai' Bithaman 'Ajil sebagaimana diperuntukkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1993 dan 7 Tahun 1996 (kemudian daripada ini disebut 'skim tersebut') dan UPM telah meluluskan permohonan oleh Pembeli tertakluk kepada syarat – syarat perjanjian yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIPERSAKSIKAN seperti berikut :-

1. Dengan mengikut skim tersebut, UPM atas permohonan Pembeli telah membeli kenderaan yang disebutkan di bawah Seksyen 1 Jadual Pertama berserta dengan aksesori-aksesorinya (kemudian daripada ini disebut kenderaan 'tersebut') pada harga belian yang disebutkan di bawah Seksyen 3 dalam Jadual Pertama. UPM hendaklah menjual dan Pembeli hendaklah membeli kenderaan tersebut pada harga jualan dan purata bayaran ansuran bulanan yang telah dipersetujui bersama oleh kedua- dua pihak iaitu sebagaimana yang disebutkan di dalam Jadual Kedua, tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam skim tersebut dan syarat-syarat dan perjanjian yang terkandung kemudian daripadanya.

2. Pembeli dengan ini bersetuju :-

   (i) Mematuhi syarat dan peraturan yang terkandung di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1993 dan 7 Tahun 1996 serta Arahan-arahan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa;

   (ii) Tidak akan menjual atau melepaskan dengan apa-apa cara jua kenderaan tersebut sehingga keseluruhan harga jualan dibayar balik melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran dari UPM;

   (iii) Wang pembiayaan yang diluluskan tidak akan digunakan selain daripada maksud ianya diluluskan. Jika digunakan untuk tujuan lain, pembiayaan ini adalah terbatal dan dengan itu wang pembiayaan hendaklah dibayar sekaligus. Pembeli dengan ini juga memberi kebenaran kepada Ketua Jabatan untuk menahan bayaran gaji dan elaunnya sehingga kesemua jumlah pembiayaan itu dijelaskan;

(iv) Mengambil takaful kenderaan (komprehensif) bagi selama tempoh pembiayaan belum diselesaikan sepenuhnya. Polisi takaful itu hendaklah meliputi semua jenis kemalangan, kecurian, kebakaran dan bahaya Pihak Ketiga (tidak terhad). Amaun takaful itu hendaklah tidak kurang daripada baki Harga Jualan;

(v) Menjelaskan semua baki Harga Jualan sebelum menamatkan perkhidmatan dengan UPM;

(vi) Sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan pembeli, walau dengan apa sebab pun Pembeli hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada UPM sehingga potongan ansuran dilakukan;

(vii) Jika menamatkan perkhidmatan dengan UPM atau ditamatkan oleh UPM sebelum pembiayaan dijelaskan, Pembeli hendaklah membayar sekaligus semua baki harga jualan; dan

(viii) Jika pembeli meninggal dunia, baki harga jualan bolehlah dituntut daripada si waris secara sekaligus. Jika waris tidak dapat berbuat demikian, baki harga jualan tersebut akan dituntut daripada Penjamin-penjamin berkenaan.

3. UPM berhak menarik balik pembiayaan UPM pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik harga jualan dengan sekaligus.

4. Pembeli ialah orang yang akan didaftarkan sebagai membeli kenderaan.

5. UPM yang bukan pembuat, pengedar atau tuan punya asal kenderaan tersebut, tidak memberi apa-apa waranti dan tidak juga memberi sebarang representasi berkaitan dengan keadaan kenderaan tersebut atau tentangan merchantabiliti atau kesesuaian atau fitness bagi maksud tertentu atau bagi apa-apa maksud kenderaan tersebut dikehendaki; sama ada 'warranties' tersebut dan representasi dengan nyata atau tersirat dan sama ada berbangkit di bawah perjanjian ini atau sebaliknya dan Pembeli dengan ini bersetuju tidak membuat apa-apa tuntutan pun terhadap UPM berkenaan hal itu.

   Dengan syarat :-

   Bahawa fail ini hendaklah tidak menyentuh hak Pembeli bagi membuat tuntutan berkaitan dengan 'warranties' atau representasi terhadap pembuat, pengedar atau tuan punya kenderaan tersebut.

6. Tiada kelenturan, kesabaran atau kelewatan oleh UPM dalam menguatkuasakan apa-apa syarat perjanjian ini tiada juga pemberian masa oleh UPM kepada Pembeli menjadi prejudis menyentuh atau menghadkan hak dan kuasa UPM di dalam perkara ini dan tiada juga pelepasan (waiver) sebarang pelanggaran (breach) bersifat sebagai pelepasan bagi pelanggaran (breach) berikutnya.

7. Perjanjian ini hendaklah mengikut Penjamin, wakil-wakil, pengganti, executor dan administrator (wasi dan pentadbir) bagi Pembeli dan Penerima serah hak dan pengganti UPM.

8. Duti setem bagi perjanjian ini, semua duti, cukai atau fee, perbelanjaan dan harga yang berhubungan dengan urusniaga kewangan ini dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pembeli dan dalam keadaan di mana UPM terpaksa mengambil tindakan terhadap Pembeli dan/atau Penjamin di bawah perjanjian ini. Semua kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh UPM (termasuk fee peguam bagi pihak UPM atas asas peguam dan pelanggan) dengan ini hendaklah ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh Pembeli dan/atau Penjamin.

9. Masa hendaklah menjadi pati kepada kontrak berkaitan dengan semua peruntukan perjanjian ini dan terutama sekali kepada pembayaran harga jualan atau mana-mana bahagian darinya dan pembayaran semua wang yang Pembeli hendaklah membayar kepada UPM di bawah perjanjian ini.

10. Jadual Pertama dan Jadual Kedua hendaklah dipakai, dibaca dan diertikan sebagai bahagian yang mustahak dalam perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT

Pihak-pihak dengan ini menurunkan tandatangan pada hari dan tahun yang ditulis di atas.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (Sebagai pihak UPM sebagaimana yang tersebut di atas)	dengan kehadiran	**SAKSI**
…….. Tandatangan		…….. Tandatangan
Nama Penuh :……		Nama Penuh :……
No. Kad Pengenalan:……...		No. Kad Pengenalan:……
Jawatan :……		Jawatan : ……

DITANDATANGANI OLEH :

PEMBELI	dengan kehadiran	**SAKSI**
……. Tandatangan		…….. Tandatangan
Nama Penuh :……		Nama Penuh :……
…….		……..
No. Kad Pengenalan:……..		No. Kad Pengenalan:……..
Jawatan :……		Jawatan :……
Alamat Tempat Kerja :……		Alamat Tempat Kerja :……
…….		……

PENJAMIN-PENJAMIN

(Hanya diisi oleh peminjam yang masih belum disahkan jawatan.Penjamin-penjamin mestilah pegawai UPM yang telah disahkan dalam jawatan dan sekurang-kurangnya sembilan (9) tahun sebelum bersara).

DITANDATANGANI OLEH :

PENJAMIN NO. 1	dengan kehadiran	**SAKSI**
……. Tandatangan		…….. Tandatangan
Nama Penuh :……		Nama Penuh :……
…….		……..
No. Kad Pengenalan:……		No. Kad Pengenalan:……
Jawatan :……		Jawatan :……
Alamat Tempat Kerja :……		Alamat Tempat Kerja :……
…….		……

PENJAMIN NO. 2 dengan kehadiran **SAKSI**

……	……..
Tandatangan	Tandatangan
Nama Penuh :……	Nama Penuh :……
……	……..
No. Kad Pengenalan:…..……..	No. Kad Pengenalan:……..
Jawatan :……	Jawatan :……
Alamat Tempat Kerja :……	Alamat Tempat Kerja :……
……	……

JADUAL PERTAMA

SEKSYEN	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nama Pembeli	
2.	Butiran dan Perihal Kenderaan	*No. Enjin : * No.Casis : Buatan : Nama Model : Kuasa Enjin : Bahan Bakar : Kelas Kegunaan : Jenis Badan : *Tahun Dibuat :
3.	Butiran Penjual/Tuan Punya Asal	Nama : No. K.P : Alamat :
4.	Harga Belian Kenderaan	Jumlah harga belian ialah sebanyak **RM** (Ringgit Malaysia:). Iaitu terdiri daripada:- (a) Jumlah pembiayaan UPM sebanyak **RM** (Ringgit Malaysia:); dan (b) Bayaran muka sebanyak **RM** (Ringgit Malaysia:). yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli

- Bagi pembiayaan kenderaan sudah terpakai sahaja

JADUAL KEDUA

SEKSYEN	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nama Pembeli	
2.	Harga Jualan	Harga jualan ialah **RM** (Ringgit Malaysia:). Iaitu terdiri seperti berikut:- (a) Bayaran muka sebanyak **RM** (Ringgit Malaysia:). yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli ; dan (b) Jumlah pembiayaan dan keuntungan UPM **RM** (Ringgit Malaysia:).
3.	Amaun dan Tempoh Bayaran Balik Harga Jualan	Harga jualan hendaklah dibayar balik secara potongan dari gaji tiap-tiap bulan sebanyak **RM** (Ringgit Malaysia:). bagi tempoh bulan.